

BERITA ONLINE  
THE SUN DAILY  
TARIKH: 29 MEI 2022 (AHAD)



## MOSTI bangunkan makmal kimia bergerak bernilai RM10 juta

05-29-2022 04:19 PM



Program KIMIA Ke Desa anjuran Jabatan Kimia Malaysia negeri Johor merupakan program outreach yang membawa sains, teknologi dan inovasi (STI) terus kepada masyarakat desa dalam usaha membudayakan STI sejak di peringkat akar umbi. Kredit: Facebook/Dr Adham Baba

KOTA TINGGI: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA) sedang membangunkan sebuah makmal kimia bergerak bernilai RM10 juta yang akan ditempatkan di ibu pejabat jabatan itu di Petaling Jaya, Selangor.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata pembangunan makmal bergerak itu yang dijangka mula beroperasi pada hujung tahun hadapan, boleh digunakan untuk

menyiasat kes-kes membabitkan pencemaran kimia yang memerlukan analisis segera.

"Untuk makmal bergerak ini, kos pembangunan adalah berjumlah RM10 juta...ia boleh menjadi keperluan terutama berkaitan pencemaran kimia.

"Jadi dengan adanya makmal bergerak, ia boleh digerakkan dengan serta-merta ke seluruh Semenanjung Malaysia.

"Dengan adanya pendekatan terbaru ini oleh Jabatan Kimia Malaysia, ia akan banyak membantu sekali gus memastikan keselamatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program KIMIA ke Desa sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Kimia Negeri Johor di Dewan Serbaguna Kampung Semangar Dalam, Kota Tinggi di sini hari ini.

Sementara itu, Dr Adham dalam masa sama berkata MOSTI juga sedang membangunkan dua unit bas makmal bergerak bernilai RM200,000 seunit, yang dijangka beroperasi awal tahun hadapan untuk ditempatkan di Johor Bahru, Johor dan juga Bintulu, Sarawak.

Beliau berkata satu daripada unit bas berkenaan diletakkan di Johor Bahru memandangkan daerah itu kerap berlaku kes pencemaran kimia manakala di Bintulu pula adalah kawasan perindustrian membabitkan minyak dan gas.

"Ia satu pendekatan baharu dan kejayaan di dua tempat ini, insya-Allah boleh diperluaskan ke tempat lain dan kita akan cuba meminta peruntukan daripada kerajaan untuk ditempatkan di setiap negeri pada masa akan datang," katanya.

-- BERNAMA